



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

JKM SIAPSIAGA MENGOPERASIKAN PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI SELURUH NEGARA

Setakat jam 5.00 petang, 18 Disember 2022 sebanyak 86 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka di seluruh negara yang melibatkan 6 negeri iaitu Kelantan (39 PPS), Terengganu (40 PPS), Johor (3 PPS), Perak (2 PPS), Pahang (1 PPS) dan Sarawak (1 PPS). Secara keseluruhan, seramai 6307 mangsa daripada 1833 keluarga terlibat dalam bencana ini. Semua keperluan makan, minum dan keperluan asas juga telah dibekalkan kepada mangsa dan keadaan semasa di semua PPS adalah terkawal. Petugas-petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di semua kawasan yang terlibat telah digerakkan untuk menguruskan mangsa-mangsa bencana banjir bersama agensi-agensi lain mengikut keperluan dan peranan masing-masing.

JKM memantau secara terus perkembangan semasa situasi banjir di semua negeri. Arahan juga telah dikeluarkan agar semua petugas JKM bersiap sedia sepanjang masa walaupun yang berada di tempat yang tidak dilanda banjir untuk membantu pengurusan mangsa banjir mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Semua mangsa dan petugas-petugas di PPS juga diingatkan untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Hujan dan amaran hujan berterusan di Pantai Timur telah dikeluarkan oleh Jabatan

Meteorologi Malaysia sehingga 19 Disember 2022 dan bilangan PPS dijangka akan bertambah pada lewat petang. Orang ramai yang terlibat dalam bencana banjir dinasihatkan agar mematuhi arahan pihak berkuasa untuk berpindah ke tempat yang selamat dan mereka yang berada di tempat yang berisiko mestilah sentiasa berjaga-jaga.

Bilik Gerakan JKM Kelantan boleh dihubungi melalui 09-7416925 dan Bilik Gerakan JKM Terengganu boleh dihubungi melalui talian 09-6301193. Bilik Gerakan JKM di negeri-negeri lain akan diaktifkan mengikut keperluan dan keadaan banjir semasa. Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sekiranya perlu. Maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara juga boleh diakses oleh orang ramai melalui Aplikasi InfoBencanaJKM 2.0 yang boleh dimuat turun melalui *Apps Store* dan *Play Store*.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
18 DISEMBER 2022**